



**TEKS UCAPAN
YB MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

PROGRAM PECAH TANAH

BAGI

**PROJEK PEMBINAAN SEMULA DAN
MENAIK TARAF SEKOLAH DAIF 2019 DI
SARAWAK (PAKEJ 5)
– SK BANDAR BINTANGOR,
BINTANGOR**

15 SEPTEMBER 2019

1

TEKS UCAPAN MENTERI KERJARAYA - PROJEK SEKOLAH
DAIF SARAWAK 2019

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

SALUTASI:

- YBhg. Dato' Dr. Meor Abdul Aziz bin Osman**
Ketua Pengarah Kerja Raya
- YBrs. Ir. Kamaluddin bin Abdul Rashid**
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
Sektor Pakar
- YBrs. Ar. Zairul Azidin bin Badri**
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
Sektor Bangunan
- YBrs. Ir. Hj. Zulakmal bin Hj. Sufian,**
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
Sektor Infra

- YBhg. Datu Ir. Hj. Zuraimi bin Hj. Sabki**
Pengarah JKR Sarawak

- YBrs. Chiew Chee Yau**
Timbalan Pengarah JKR Sarawak
Sektor Infrastruktur

- YBrs. Ar. Stanley Chai Chin Siong**
Timbalan Pengarah, JKR Sarawak
Sektor Bangunan dan Pakar

- YBrs. Dr. Hj. Azhar Bin Hj. Ahmad**
Pengarah Pendidikan Sarawak

- YBrs. Abang Mat Ali Bin Abang Masagus**
Timbalan Pengarah Pendidikan Sarawak

- YBrs. Wan Fadillah Bin Wan Ahmad**
Ketua Sektor Khidmat Pengurusan &
Pembangunan, JPN Sarawak

- YBrs. Ismail Bin Abang Mahamud**
Pegawai Pendidikan Daerah Bintangor

- YBrs. Nasaruddin bin Ibrahim**
Penolong Pegawai Pendidikan Daerah
Bintangor

- Encik Chua Chee Kiong**
Pengurus Projek
Cekaplex Sdn Bhd (Kontraktor Pakej 5)

Guru Besar SK. Bandar Bintangor,

Guru-Guru,

Rakan – rakan Pengamal Media

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian

Selamat sejahtera.

1. Setinggi-tinggi kesyukuran kepada tuhan, dapat saya hadir bersama – sama tuan–tuan dan puan–puan pada petang ini, bagi program pecah tanah untuk projek pembinaan semula dan menaik taraf sekolah daif SK Bandar Bintangor, Bintangor, Sarawak.

2. Pelaksanaan ***Projek Sekolah Daif Tahun 2019*** adalah ***inisiatif Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan*** untuk membaikpulih semua sekolah – sekolah daif di Sarawak, dan

melibatkan ***jalinan kerjasama*** di antara pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Malaysia dan Jabatan Kerja Raya Sarawak yang diharap dapat mempercepatkan proses penyediaan projek sekolah daif ini secara efisien dan telus.

3. Setinggi penghargaan saya rakamkan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek pembinaan semula dan menaik taraf SK Bandar Bintangor ini.

4. Pelaksanaan projek naiktaraf sekolah daif yang merupakan “*touch point*” kepada rakyat ini, amat diberi penekanan dan perhatian oleh Pihak Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan dalam usaha ***meningkatkan tahap kualiti pendidikan*** disamping ***menyediakan kemudahan yang lebih sempurna dan selesa***, serta ***mewujudkan suasana persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dan selamat*** kepada warga sekolah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Bagi tahun **2019**, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM128 juta** melalui **Peruntukan Pembangunan** bagi pelaksanaan **43 buah sekolah daif** di seluruh Malaysia, di mana melibatkan **32 buah sekolah di Sarawak** dengan peruntukan sebanyak **RM100 juta**, **3 buah sekolah di Sabah** dgn peruntukan sebanyak **RM10 juta** dan **8 buah sekolah di Semenanjung Malaysia** dgn peruntukan sebanyak **RM18 juta**.

6. Sehingga kini, daripada keseluruhan 43 buah sekolah ini, kesemua **8 buah sekolah di Semenanjung Malaysia sedang dalam pembinaan** dan kesemua **3 sekolah di Sabah sedang di peringkat perolehan**. Manakala di **Sarawak**, daripada keseluruhan 32 sekolah, **30 buah sedang dalam pembinaan** dan **2 buah lagi di peringkat rekabentuk baharu** disebabkan keluasan tapak sempit. Walaubagaimanapun, dijangka dapat ditender dalam bulan Oktober 2019.

7. Selain itu, peruntukan sebanyak **RM1 Bilion** telah pun **diluluskan oleh Kabinet** untuk pelaksanaan seterusnya bagi **Pembangunan Sekolah Daif di Negeri Sarawak yang melibatkan tiga fasa mulai Ogos 2019 sehingga tahun 2020**. Bagi pelaksanaan **Program RM1 Bilion Fasa 1**, Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak **RM350 juta bagi 37 buah sekolah daif di negeri Sarawak** yang akan dilaksanakan dalam tempoh tahun ini.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

8. Pemilihan projek sekolah daif tahun 2019 ini meliputi ***kategori sekolah yang berskala 7 dan 6 di mana keadaan fizikalnya yang tidak sempurna, tidak berfungsi, dan tidak selamat digunakan.*** Sekolah-sekolah tersebut telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada pihak JKR dan Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah.

9. Disini, ingin saya maklumkan bahawa sebahagian besar daripada projek sekolah daif tahun 2019 ini ***dibina dengan menggunakan sistem IBS atau Industrialised Building System***, melalui kontraktor yang dilantik secara ***tender terbuka***. Untuk makluman, Projek Pembinaan Semula dan Menaik Taraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah IBS telah mula dilaksanakan sejak tahun 2016.

10. Kerja menggantikan serta menaiktaraf bangunan daif dan usang dengan menggunakan kaedah teknologi IBS ini mampu disiapkan dalam tempoh masa singkat berbanding kaedah konvensional. Sehubungan itu tempoh pembinaan yang ditetapkan bagi projek sekolah daif yang menggunakan kaedah IBS ini adalah antara **4 ke 6 bulan**.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

11. Projek menaiktaraf sekolah daif 2019 di Negeri Sarawak yang dilaksanakan melalui Peruntukan Pembangunan dibahagikan kepada **12 pakej**, yang melibatkan pembinaan sekolah daif di daerah **Betong, Seratok, Serian, Samarahan, Kapit, Julau, Bintangor, Tanjong Manis, Daro, Dalat, Kanowit, Limbang, Lawas, Bintulu Belaga, Baram, Subis Dan Miri.**

12. Projek di SK Bandar Bintangor, Bintangor ini adalah di bawah projek sekolah daif tahun 2019 di Negeri Sarawak bagi **Pakej 5**. Sekolah-sekolah yang lain di dalam Pakej 5 ini adalah:

- i. SK Ulu Entaih, Julau
- ii. SK Ulu Entabai, Julau

13. **Projek pakej 5** ini dilaksanakan oleh **Kontraktor Tetuan Cekapplex Sdn Bhd** dengan **kontrak bernilai RM7,118,115.10**. Tempoh pembinaan adalah selama **5 bulan** yang telah **bermula** pada **4 September 2019** dan **dijangka siap** pada **3 Februari 2020**.

14. Pihak Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan mengambil perhatian berat di dalam memastikan projek – projek infrastruktur terutamanya yang melibatkan *people centric* dilaksanakan dengan jayanya. Saya yakin, semoga projek ini dapat disiapkan dengan jayanya demi meningkatkan taraf kemudahan infrastruktur pendidikan bagi melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak.

15. Besar harapan saya agar apabila siapnya bangunan baharu sekolah ini nanti, ia akan dapat memberi banyak manfaat kepada rakyat Sarawak, terutamanya anak-anak di daerah Bintangor, melalui peningkatan tahap kualiti suasana persekitaran pendidikan. Saya yakin pelajar sekolah akan dapat menimba ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan dalam suasana yang lebih selesa, kondusif dan harmoni.

16. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam pelaksanaan projek sekolah daif Negeri Sarawak ini oleh semua pihak terutamanya:

- i. Jabatan Kerja Raya Malaysia
- ii. Jabatan Kerja Raya Sarawak
- iii. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak serta kakitangan;
- iv. Pihak kontraktor terlibat; dan
- v. Pihak sekolah yang terlibat.

17. Tidak lupa juga ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak kontraktor, ***Cekapplex Sdn. Bhd.*** yang telah menggembleng tenaga menganjurkan majlis kita pada hari ini.

18. Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada pihak kontraktor dan berharap projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

God Bless